

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 OGOS 2025

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA : 3
SURAT

Perlu ada pemantauan ketat terhadap pelaksanaan RMK13

12Forum

Perlu ada pemantauan ketat terhadap pelaksanaan RMK13

PERSATUAN Pengguna Pulau Pinang (CAP) mengalu-alukan beberapa segmen Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), menangani isu-isu utama seperti gaji, rumah mampu milik, pengangkutan, penjagaan kesihatan dan kemampunan makanan.

Walaupun inisiatif itu patut dipuji kerana ia bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup mereka dalam kumpulan pendapatan B40 dan M40, kerajaan mestilah memastikan pemantauan rapi terhadap perbelanjaan bagi mengelakkan ketirisan.

Sebanyak RM227 bilion atau 53 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan telah diperuntukkan untuk menyokong infrastruktur, infrastruktur digital, pengangkutan awam, tebatan banjir, rumah mampu milik dan projek pembinaan kapasiti. Tambahan RM133 bilion telah diperuntukkan bagi sektor sosial, termasuk pendidikan dan penjagaan kesihatan.

Kami menggesa agar semua perbelanjaan dijalankan secara telus dan melalui tender terbuka bagi memastikan kumpulan sasaran yang disasarkan mendapat manfaat sepenuhnya.

Namun, apa yang negara perlukan segera ialah sistem pengangkutan awam yang cekap yang menggabungkan kesalinghubungan bahagian awal dan terakhir melalui Demand Responsive Transit (DRT). Ini akan mengurangkan atau bahkan menghapuskan keperluan untuk membina tempat letak kereta bertingkat dan membolehkan penumpang mengelak daripada menyeberangi lebih raya yang sibuk.

Bagi mereka yang berada dalam kumpulan berpendapatan rendah, pengangkutan awam menawarkan kelegaan yang ketara. Ia menghapuskan beban kewangan pinjaman kereta, kos penyelenggaraan yang tinggi dan perbelanjaan lain yang berkaitan, membolehkan mereka memperuntukkan pendapatan bulanan mereka kepada keperluan yang lebih penting.

Walau bagaimanapun, untuk menjadi benar-benar berkesan, pengangkutan awam mestilah direka bentuk dengan mengambil kira keperluan orang ramai. Ia mestilah berpatutan, terutamanya bagi kumpulan B40 dan mudah, dengan sistem DRT menyediakan akses yang fleksibel. Ia juga mestilah boleh dipercayai dan menepati masa untuk membina kepercayaan orang ramai dan menggalakkan penggunaan yang meluas.

Selain itu, kerajaan perlu menubuhkan Lembaga Perumahan dan Pembangunan Negara daripada terus bergantung begitu banyak kepada pemaju perumahan swasta. Kami sebelum ini menggesa agar lembaga sebegini diwujudkan untuk bertanggungjawab ke atas pembangunan rumah mampu milik di atas tanah milik kerajaan dan pihak berkuasa awam.

Cadangan untuk mengguna pakai Sistem Binaan Berindustri dan Pengurusan Bersepadu Binaan adalah tepat pada masanya, kerana kaedah ini menawarkan kualiti yang lebih konsisten, masa pembinaan yang lebih cepat dan kos yang lebih rendah.

Kami juga menyokong pengembangan inisiatif seperti Skim Jaminan Kredit Perumahan dan program Sewa untuk Beli, yang akan membantu lebih ramai rakyat Malaysia berpendapatan rendah dan sederhana menjadi pemilik rumah. Mereka yang berada dalam kumpulan B40 juga tidak seharusnya dikesialkan daripada pemilihan rumah, atau dibiarkan dalam situasi sewa yang tidak menentu di mana mereka mungkin terpaksa berpindah atau menghadapi kenaikan sewa yang tidak dijangka. Bagi memastikan kejayaan RMK13, kerajaan juga mestilah menggalakkan ketelusan dan penyertaan awam yang inklusif sepanjang pelaksanaannya.

Audit tetap, pendedahan awam dan mekanisme maklum balas yang boleh diakses akan membantu mengukuhkan lagi kepercayaan dan menggalakan penglibatan masyarakat. Usaha pembangunan juga perlu dipandu oleh prinsip kemampunan jangka panjang yang mengimbangi kemajuan ekonomi dengan penjagaan alam sekitar dan keadilan sosial, memastikan tiada komuniti yang ketinggalan.

MOHIDEEN ABDUL KADER
Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)



Scanned with CamScanner

KERAJAAN mestilah memastikan pemantauan rapi terhadap perbelanjaan bagi mengelakkan